

Ref: K.P. 8609/1/(3)

Kementerian Pelajaran,  
Rumah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

12hb. Januari, 1971

Ketua Pegawai Pelajaran,  
Semua Negeri,  
Malaysia Barat.

Pengarah Pelajaran,  
Sarawak/Sabah. (dengan mel udara)

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1971

RUKUNEGARA

Sebagaimana yang tuan-tuan ketahui Rukunegara telah diisytiharkan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung pada 31hb. Ogos, 1970.

2. Kementerian Pelajaran telah memutuskan bahawa semua sekolah di Malaysia hendaklah berusaha dengan segala upaya yang boleh untuk menanamkan cita-cita unggul Rukunegara ke dalam jiwa kanak-kanak kita di sekolah. Semangat dan amalan lima prinsip itu perlu ditegaskan ketiga mengajar Rukunegara.

3. Berikut ialah beberapa cadangan bagaimana Rukunegara, boleh diajar:-

- (i) Guru-guru Besar/Pengetua-pengetua bolehlah berceramah berkenaan pelbagai aspek Rukunegara di Perjumpaan Mingguan Sekolah.
- (ii) Dalam pelajaran Sivik (dari darjah empat hingga Tingkatan Enam) guru-guru boleh menghurai cara-cara mengamalkan pelbagai aspek Rukunegara itu.
- (iii) Aspek-aspek Rukunegara boleh digunakan sebagai tema atau tajuk-tajuk untuk perbincangan di perjumpaan-perjumpaan kelab dan persatuan sekolah.
- (iv) jika sekolah-sekolah mencetak buku-buku rampaian mereka sendiri, Rukunegara bolehlah dicetak di muka sebelah dalam kulit hadapan buku itu.

4. Guru-guru Besar/Pengetua-pengetua hendaklah cuba:-

- (i) mendapatkan beberapa poster Rukunegara untuk pejabat-pejabat, dewan sekolah, bilik-bilik darjah dan bilik-bilik guru mereka daripada jabatan Penerangan dan Kebudayaan Negeri. Poster ini hendaklah dimasukkan dalam frame dan digantung di tempat-tempat yang disebut itu.
- (ii) mendapatkan buku-buku kecil penerangan yang cukup daripada Pejabat Penerangan untuk menentukan supaya sernua guru-guru di sekolah itu betul-betul faham dan mahir


dengan Rukunegara.

- (iii) menggalakkan murid-murid membuat poster-poster ukuran besar untuk dipamerkan dalam bilik-bilik darjah mereka sendiri. Satu salinan Rukunegara adalah disertakan bersama surat pekeliling ini.

5. Kementerian Pelajaran juga sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk menjadikan pengajaran Rukunegara itu lebih bermakna lagi.-

- (1) Sukatan Pelajaran Sivik sedang disemak semula untuk memasukkan Rukunegara;
- (ii) Pusat Alat Pengajaran Pandang Dengar, Kementerian Pelajaran sedang menyediakan carta-carta untuk sekolah-sekolah.
- (iii) Sebuah lagu sedang digubah untuk Rukunegara supaya Rukunegara juga boleh dinyanyikan oleh murid-murid.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-sekolah,  
b.p. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran.

s.k. S.U.S. kepada Y.B.M.  
Y.B. Setiausaha Parlimen  
K.S.K.  
K.P.P.  
T.K.S.K.  
T.K.P.P.

Pengarah (Latihan Guru-curu) 15 salinan.  
Ketua Nazir - 15 salinan.  
Semua Ketua Bahagian.

Setiausaha Kerja,  
Jabatan Perpaduan Negara,  
Bangunan Parlimen,  
Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Penerangan dan Kebudayaan - 5 salinan.  
Angkasapuri,  
Kuala Lumpur.

Setiausaha Kerja,  
Majlis Muhibah Negara,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Kuala Lumpur.

KB/rt

## RUKUNEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak mencapai

perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Keluhuran Perlembagaan

Kedaulatan Undang-undang

Kesopanan dan Kesusilaan

(TRANSLATION)

RUKUNEGARA

OUR NATION, MALAYSIA, being dedicated

to achieving a greater unity of all her peoples;

to maintaining a democratic way of life;

to creating a just society in which the wealth of the nation shall be equitably shared;

to ensuring a liberal approach to her rich and diverse cultural traditions;

to building a progressive society which shall be oriented to modern science and technology;

WE, her peoples, pledge our united efforts to attain these ends guided by these principles:

Belief in God (Kepercayaan kepada Tuhan)

Loyalty to King and Country (Kesetiaan kepada Raja dan Negara)

Upholding the Constitution (Keluhuran Perlembagaan)

Rule of Law (Kedaulatan Undang-undang)

Good Behaviour and Morality (Kesopanan dan Kesusilaan)



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,  
PARAS 7, BLOK J,  
PUSAT BANDAR DAMANSA  
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2586900  
Fax : 03-2535150

---

KP(BS)8591/Jld.XVI(17)  
16 November 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Dato' /Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL 17 / 2000:**

**Penubuhan Kelab Rukun Negara Di Sekolah-Sekolah**

Kementerian Pendidikan sentiasa mendokong dan melaksanakan apa juga aktiviti yang dianggap dapat memperkukuhkan lagi amalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Sungguhpun begitu, sejak kebelakangan ini ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa penghayatan Rukun Negara semakin berkurangan di kalangan pelajar sekolah. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan ras, fenomena seperti ini boleh menggagalkan sebarang usaha ke arah pembentukan negara yang bersatu padu dan harmonis. Dalam hal ini, institusi sekolah berperanan untuk memupuk dan menyemai pengetahuan, kesedaran dan amalan setiap prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.

2. Sehubungan dengan itu, semua sekolah menengah diminta menubuhkan Kelab/Persatuan Rukun Negara mulai tahun 2001. Syarat-syarat penubuhannya adalah sebagaimana yang terkandung dalam Peraturan Penubuhan Kelab/Persatuan Sekolah 1997. Antara kegiatan yang boleh dijalankan oleh Kelab/Persatuan Rukun Negara adalah seperti yang berikut:


- 2.1 Menjalin kerjasama antara pihak sekolah dengan agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Sektor Rukun Tetangga serta persatuan komuniti dan masyarakat setempat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang memfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi di kalangan pelajar sekolah yang berbilang kaum dan keturunan;
- 2.2 Menggalakkan sekolah-sekolah yang majoriti pelajarnya terdiri daripada satu kaum sahaja untuk meningkatkan kegiatan yang bercorak integrasi dengan sekolah-sekolah lain melalui aktiviti-aktiviti bersama; dan
- 2.3 Menjalankan pelbagai jenis aktiviti yang menjurus kepada penghayatan semua prinsip Rukun Negara.

3. Walaupun arahan penubuhan Kelab/Persatuan Rukun Negara ini ditujukan kepada sekolah menengah, sekolah rendah juga adalah digalakkan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, sekiranya penubuhan Kelab/Persatuan Rukun Negara tidak dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah, usaha yang bersesuaian hendaklah diambil supaya perkara-perkara seperti para 2.1, 2.2, dan 2.3 dapat dilaksanakan.

4. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua sekolah di negeri Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan.

Sekian. Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**



**DATO' SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

sk

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y. B. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir  
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
9. Ketua Nazir Sekolah
10. Pegawai Perhubungan Awam